

Kedudukan bahasa Melayu dipertahankan

Pengantar sistem pendidikan negara: Najib

Oleh Johari Ibrahim
dan Haika Khazi
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan tidak pernah berganjak daripada terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan rasmi dalam sistem pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pada masa sama rakyat tidak harus terlalu taksub sehingga menolak unsur daripada tamadun luar yang dapat membantu memperkayakan ilmu, teknologi dan kebudayaan negara.

"Di persimpangan ini, perlu diakui bahawa bahasa Melayu masih lagi dianggap mu-

da dari segi pengistilahan sains dan teknologi berbanding bahasa Inggeris yang diterima sejagat sebagai bahasa ICT (teknologi maklumat dan komunikasi)," katanya berucap pada majlis kemuncak Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2009 Piala Timbalan Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, malam tadi.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Pada hemat saya, yang penting dalam menghadapi globalisasi ialah sikap dan pertimbangan rasional kita dalam memilih dan memu-

tuskan perkara yang munasabah untuk dimanfaatkan, bukan menolak asas globalisasi secara melulu," katanya.

Beliau berkata, menerusi sikap itu, bahasa Melayu akan dapat diperkasakan dan berupaya berkembang, khususnya di negara masyarakat penutur seperti Indonesia dan Brunei.

Najib berkata, penguasaan bahasa asing tidak semestinya melunturkan jati diri dan daya intelek seseorang, sebaliknya ia akan memperkuatkan perasaan sayang terhadap bangsa dan bahasa.

"Dalam konteks Malaysia, penguasaan bahasa asing tidak seharusnya dilihat melunturkan kepentingan bahasa



NAJIB dan Mohamed Khaled bersama Novavy (dua dari kiri) serta Mohd Syamsul (kanan) selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2009 Piala Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya, malam tadi.

Melayu itu sendiri," katanya.

Najib juga berkata, dalam era ICT, bahasa Melayu wajar mengambil peluang daripada pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan atau K-Ekonomi untuk menyediakan ruang yang mencukupi kepada masyarakatnya.

"Bahasa Melayu perlu cukup utuh untuk mengemudi masyarakat penuturnya agar bergerak seiring dengan

arus pembangunan K-Ekonomi dalam dunia yang semakin kompleks," katanya.

Peserta Malaysia, Mohd Syamsul Salleh, 21, muncul juara kategori Nusantara. Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menewaskan peserta dari Universitas Indonesia, Margarepha Chrisnasari, 21, yang muncul naib juara dan tempat ketiga dimenangi Kamarudzaman

Abdul Jalil dari Universiti Brunei Darulsalam.

Selaku juara, Mohd Syamsul membawa pulang wang tunai RM10,800, naib juara (RM7,200) dan ketiga (RM3,600). Hadiah disampaikan Najib. Kategori antarabangsa dimenangi Novavy Sles, 18, (Kemboja), kedua Ayleen O Hanlon, 22, (Australia) dan ketiga, Shavira Alaydrus, 27 (Belanda).